

Lahir modal insan berkualiti

BERTUJUAN menyediakan peluang sama rata kepada pelajar luar bandar dalam mendapatkan pendedahan lebih luas tentang peluang dan cabaran semasa serta memantapkan penguasaan pelajar dalam mata pelajaran Matematik dan Sains, Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPSiKS) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan program Kem Motivasi Pemantapan Matematik dan Sains (KEMASA).

Peluang itu, katanya, mampu memberi galakan dan inspirasi kepada para pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke universiti terutamanya di kalangan pelajar luar bandar.

Kem Motivasi Pemantapan Matematik dan Sains (KEMASA) anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial itu telah dirasmikan oleh Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi SPSiKS, Dr Balan Rathakrishnan.

Kem tiga hari dua malam yang bermula pada 5 hingga 7 Februari melibatkan penyertaan seramai 77 pelajar Tingkatan 1 dan 2 dari dua sekolah, iaitu SMK Pekan, Telipok (41 pelajar) dan SM St John (33 pelajar).

Pengarahnya, Nelson Chen Fah Onn, berkata program itu sebenarnya sudah lama dalam perancangan mereka namun tertangguh kerana beberapa masalah yang tidak dapat dielakkan dan akhirnya menjadi realiti pada tahun ini.

"Kita bersyukur kerana kem ini dapat dijalankan dengan jayanya walau hanya menggunakan peruntukan yang sangat terhad daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS," jelas mahasiswa Tahun III ini.

Katanya, pemilihan pelajar Tingkatan 1 dan 2 untuk menyertai program itu adalah bertepatan dengan konsep kem ini dilaksanakan walaupun pada asalnya mereka memilih pelajar tingkatan 3 sebagai peserta.

Kata Nelson, memandangkan kem berkenaan lebih kepada pemantapan, adalah lebih baik mereka memulakannya dari peringkat awal berbanding pelajar Tingkatan 3 yang akan menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) tidak lama lagi.

"Seperti yang kita tahu, tidak ramai yang menyukai dua mata pelajaran ini kerana ramai yang menganggapnya sebagai mata pelajaran untuk 'ulat buku'."

Justeru, kita menggunakan peluang ini untuk tunjukkan kepada mereka bahawa dua mata pelajaran ini bukanlah sesuatu yang mereka bayangkan dan ia sebenarnya menyeronokkan.

"Kita akan teruskan usaha ini untuk kikis persepsi bahawa Matematik dan Sains adalah mata pelajaran 'susah' dan aliran sastera adalah lebih mudah untuk skor," jelasnya.

MEMBANTU PELAJAR LUAR BANDAR

Menurut Nelson lagi, program ini dilaksanakan dengan tujuan menyediakan pelajar sekolah luar bandar yang bakal menghadapi peperiksaan PMR supaya mereka lebih bermotivasi.

"Di samping itu, kem ini juga bertujuan memantapkan penguasaan mereka dua mata pelajaran yang biasanya adalah 'fobia' kepada kebanyakan pelajar," jelasnya.

Katanya lagi, kem motivasi diadakan atas kesedaran mahasiswa universiti itu untuk memberikan sumbangan jangka panjang kepada masyarakat setempat melalui pembangunan modal insan.

Melalui kem ini, katanya, mereka dapat melaksanakan tanggungjawab sesama manusia dan sekali gus dapat mempelajari sesuatu daripadanya.

"Kami belajar banyak perkara daripada penganjuran program ini.. bukan sahaja dari segi pengurusan organisasi malah nilai-nilai kemanusiaan juga," jelasnya.

Program yang

menggunakan konsep 'adik angkat' itu membolehkan pelajar sekolah merasai kehidupan sebenar mahasiswa di sebuah universiti.

Peluang itu, katanya, mampu memberi galakan dan inspirasi kepada para pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke universiti terutamanya di kalangan pelajar luar bandar.

Kem Motivasi Pemantapan Matematik dan Sains (KEMASA) anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial itu telah dirasmikan oleh Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi SPSiKS, Dr Balan Rathakrishnan.

Pengisian program berkenaan melibatkan aktiviti seperti Latihan Dalam Kumpulan (LDK), ceramah motivasi, riadah dan malam kebudayaan yang melatih para pelajar memupuk semangat kerjasama walau dari sekolah yang berlainan.

Menggunakan khidmat mahasiswa Tahun I dan Tahun II sebagai jawatankuasa pengangur, program tersebut turut melibatkan mahasiswa daripada beberapa buah sekolah lain sebagai fasilitator.

"Kita mahukan para peserta mendapat pendedahan yang terbaik selepas memilih untuk mengikuti program ini.

"Justeru kita menggunakan mahasiswa dari sekolah yang terlibat secara langsung dalam dua mata pelajaran berkenaan selain penglibatan SPSSKS secara langsung," jelas Nelson.

Katanya, fasilitator turut terdiri dari mahasiswa Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS), Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) dan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM).

PENDEDAHAN & PEMANTAPAN

Bagi Nuratiqah Abd Rasik, banyak yang dipelajarinya sepanjang mengikuti kem berkenaan. Katanya, dia bertuah kerana dapat menyertai program itu yang diadakan di kampus UMS.

"Saya rasakan minat saya semakin bertambah terhadap dua mata pelajaran ini dan akan cuba untuk memperbaiki prestasi selepas ini," jelas pelajar Tingkatan 1 yang merupakan anak kepada pasangan guru ini.

Menurut pelajar SM St John Tuaran ini lagi, walau selalu mendapat nombor satu sejak Tahun 1 hingga Tahun 6, dia tetap akan berusaha untuk mencapai yang terbaik dalam PMR nanti selepas mendapat 4A, 1B dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) sebelum ini. Dia yang menjadikan 8A sebagai sasaran PMR nanti.

Sementara itu, pelajar SMK Pekan Telipok, Abd Razif Yamin berkata dia pasti akan menyertai kem seperti itu sekiranya mengadakannya untuk kali kedua.

"Saya belajar banyak perkara melalui program ini seperti pengurusan masa dan diri serta akan berusaha lebih gigih untuk menguasai



KENANGAN ... Peserta bergambar bersama selepas perasmian penutup Kem Motivasi Pemantapan Matematik dan Sains (KEMASA).

dua mata pelajaran ini," kata pelajar Tingkatan 2 ini.

Dia yang berasal dari Kg Peniagang mengakui turut tertarik dengan universiti berkenaan dan mahu melanjutkan pelajaran di UMS.

"Memandangkan cita-cita saya mahu menjadi angkasawan atau doktor, saya akan berusaha bersungguh-sungguh untuk menguasai kedua-dua mata pelajaran ini," katanya yang selalu mendapat 80-86 markah bagi mata pelajaran Matematik.

Dia yang bercita-cita mahu menjadi pemain bola sepak berkata walau dia agak lemah dalam mata pelajaran Matematik, namun dia menyukai mata pelajaran Matematik.

Dia yang bercita-cita mahu menjadi pemain bola sepak berkata walau dia agak lemah dalam mata pelajaran Matematik, namun dia menyukai mata pelajaran Matematik.

"Saya berterima kasih kepada pihak UMS dan abang serta kakak angkat yang bersusah payah untuk kami," katanya.

PROGRAM TAHUNAN

Walaupun ini kali pertama diadakan, Nelson berkata dia tidak mahu menjadikannya sebagai alasan kepada sebarang kekurangan yang disifatkan penting sebagai asas kepada penganjuran yang seterusnya.

Sementara itu, jelasnya, pihak penyelaras program berkenaan kini sedang merangka perancangan untuk program kali kedua.

"Kami berusaha untuk menjadikannya sebagai



NELSON



NURATIQAH



SANDRA

program tahunan dalam usaha menyokong usaha para guru di sekolah yang bertungkus lumus mendidik para generasi cilik ini," jelasnya.

Dalam usaha menjadikan program ini sebagai acara tahunan, katanya, paling penting adalah kerjasama semua pihak.

"Hubungan baik dan niat yang ikhlas sangat penting dalam penganjuran sesuatu program kerana apabila kita ikhlas, Tuhan akan permudahkan apa sahaja masalah yang kita hadapi.

"Justeru, saya percaya hubungan baik antara kami sebagai jawatankuasa pengangur dan kesediaan kami untuk membantu masyarakat membolehkan program ini berjaya walau hanya dengan peruntukan yang terhad," jelasnya.



MOHD HAMIZAN



ABD RAZIF



SERIUS ... Para peserta sibuk mencatat maklumat penting daripada fasilitator.



TIBA ... Para peserta tiba di Kolej Kediaman CD.



KONGSI PENDAPAT ... Peserta ketika sesi Latihan Dalam Kumpulan (LDK).



BAHAN LDK ... Para AJK menyediakan bahan untuk sesi LDK.